



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 4 JULAI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	2 KEMENTERIAN SEPAKAT ATASI KEGIATAN, NASIONAL, BH-8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	SALUR KHAS LAPOR AKTIVITI TIPU LABEL KAMPIT BERAS, NASIONAL, UM-8	
3.	SIJIL HALAL 'LESEN BESAR' KEMBANGKAN PERNIAGAAN, HALAL NIAGA, UM-29	JABATAN PERTANIAN (DOA)
4.	KONGSI BAHAGIAN DAGING KORBAN SUBUR SEMANGAT PERPADUAN, KOMUNITI KITA, UM-35	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
5.	PESAWAH KELANTAN DAPAT 'DURIAN RUNTUH', DLM NEGERI, UM-40	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
6.	BEKALAN IKAN DI KUALA MUDA MENINGKAT SEJAK AWAL BULAN, DLM NEGERI, UM-41	LAIN-LAIN
7.	HASIL LAUT MENINGKAT LEGAKAN NELAYAN, NEGARA, KOSMO-18	
8.	GERAKAN EKONOMI MALAYSIA GESA PSI DIBERHENTIKAN, NEGERI, SH-26	
9.	PETANI RUGI JUTAAN RINGGIT, TANAMAN TERENDAM AIR MASIN, DALAM NEGERI, UM-36	
10.	PERKASA SEKTOR AGROMAKANAN, PELANCONGAN SEKAT RINGGIT JATUH, KOMENTAR, BH-11	
11.	PERKENAL BERAS RAHMAH BANTU RINGAN BEBAN RAKYAT, RENCANA, UM-18	
12.	CRITICAL NEED FOR ECO-FRIENDLY FARMING, LETTERS, NST-18	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

2 kementerian sepakat atasi kegiatan

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi memantau dakwaan aktiviti penipuan menular karpit beras tempatan kepada karpit beras import untuk mengaut keuntungan lebih.

Ketua Pengarah Penguatkuasa KPDN, Datuk Azman Adam berkata isu itu sebenarnya dibawah bidang kuasa KPKM namun sebagai kementerian yang bertanggungjawab atas bidang kepeng-

gunaan, pihaknya akan bekerjasama dengan pihak terbabit.

“Setakat ini kami belum menerima aduan atau laporan rasmi dari mana-mana pihak khususnya pengguna, namun itu tidak menghalang kementerian menjalankan pemeriksaan segera,” katanya kepada *BH*.

Sebelum ini *BH* melaporkan terdapat selangintir pemborong beras didak-



Azman Adam

wa cuba memanipulasi harga kawalan yang ditetapkan kerajaan dengan menular karpit beras tempatan kepada karpit beras import.

Taktik itu dipercahayai dilakukan kerana harga beras import tidak dikawal, sebaliknya hanya diapungkan manakala harga beras tempatan dite-

tapkan pada RM26 untuk beg 10

kilogram (kg).

Mengulas lanjut, Azman meminta orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai isu ini tidak menyebarkannya ke media sosial sebaliknya membuat laporan rasmi terlebih dahulu kepada pihak berkuasa.

“Jika perkara seperti ini sudah dah tular, pelaku mungkin sudah melupuskan bukti bagi mengelak daripada dikesan. Perkara ini boleh menyukarkan usaha pihak berkuasa mengambil tindakan terhadap pelaku,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	41

Saluran khas lapor aktiviti tipu label kempit beras

BKSP diarah tingkatan pemeriksaan, lebih tegas atasi penyelewengan

Oleh Suraya Ali
suraya.ali@bh.com.my

Kuala Lumpur: Badan Kawalselia Padi dan Beras (BKSBP) diarah meningkatkan pemeriksaan dan pemantauan serta mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pihak yang didapati terabit dalam isu penipuan kempit beras.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dalam satu kenyataan semalam berkata pihaknya memandang serius isu berkenaan.

"Kementerian sudah mengarahkan BKSBP menyediakan hotline untuk memudahkan orang ramai menyalurkan maklumat.

"Orang ramai diminta menghantar sebarang maklumat mengenai bekalan atau penipuan yang berlaku ke alamat emel aduankpb@kplm.gov.my atau melalui 03-88701751/1748/1183," katanya yang kini berada di Rom, Itali bagi menghadiri Persidangan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) ke-43.

Sebelum ini BH melaporkan terdapat segelintir pemborong beras didakwa cuba memanipulasi harga kawalan yang ditetapkan kerajaan dengan menukar kempit beras tempatan kepada kempit beras import.

Taktik itu dipercayai dilakukan kerana harga beras import



Orang ramai diminta menyalurkan maklumat berkaitan penipuan kempit beras kepada pihak berkuasa dengan segera. (Foto hiasan)

tidak dikawal kerajaan, sebaliknya hanya diapungkan manakala harga beras tempatan ditetapkan pada RM26 untuk beg 10 kilogram (kg).

Sukar kesan aktiviti

Sementara itu, Pengarah Urusan Mydin, Datuk Ameer Ali Mydin berkata sebagai pemborong, pihaknya tidak dapat mengesan perbuatan menukar kempit be-



Laporan BH
Jumaat lalu.

ras tempatan kepada kempit beras import kerana produk dihandar sudah siap dibungkus dan sedia untuk dijual.

"Jika ada pemborong yang menukar, menipu atau mencampur beras tempatan dengan import, perbuatan itu jelas salah dari segi undang-undang dan kerajaan perlu ambil tindakan.

"Pemborong mendapat pelbagai jenis bantuan subsidi oleh kerajaan dan perkara seperti sepatutnya tidak berlaku," katanya kepada BH.

Ameer berkata, tindakan tegas dan pemantauan yang lebih berkesan pada peringkat kerajaan amat diperlukan bagi memastikan perkara ini dapat dihentikan dan mereka yang bertanggungjawab dibawa ke muka pengadilan.

"Tidak wajar perkara ini berlaku kerana perbuatan ini menipu pengguna, harus diambil tindakan segera," katanya.

Kementerian sudah mengarahkan BKSBP menyediakan talian Hotline untuk memudahkan orang ramai menyalurkan maklumat



Mohamad Sabu,
Menteri Pertanian dan
Keterjaminan Makanan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2023	UTUSAN MALAYSIA	HALAL NIAGA	29

Sijil halal 'lesen besar' kembangkan perniagaan

SUNGAI PETANI: Keazaman menghasilkan makanan bersih, selamat dan sedap untuk pelanggan membuatkan seorang peniaga kedai makan sanggup mengabdikan diri lebih 20 tahun dalam bidang masakan.

Bermula dengan menggunakan bahan masakan sedia ada di pasaran, Zarina Bakar, 56, terpanggil untuk tampil mengusahakan sendiri produk keluarannya dengan harapan orang ramai mampu menjamu selera dengan rasa lebih selamat.

Tambah membanggakan, produk pes berasaskan makanan keluaran syarikatnya, Naim Gulai Semilang Enterprise (NGS) kini mendapat pengiktirafan melalui sijil dan logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), baru-baru ini.

Zarina berkata, menerima pengiktirafan itu sememangnya dinanti-nantikan selama ini kerana ia sebagai proses penting terhadap keyakinan pelanggan terhadap produk keluarannya.

"Sebelum ini saya telah menerima sijil Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) dan dengan adanya sijil serta

logo halal JAKIM ini pula mampu meluaskan pasaran penggunaan produk hasil syarikat saya.

"Apa yang penting adalah produk saya ini dijamin kualitinya, bersih dan selamat serta sedap dan boleh digunakan pelanggan pelbagai bangsa," katanya ketika ditemui di Tanjung Dawai, di sini.

14 jenis pes berasaskan makanan yang terdiri daripada pes kari ikan, daging, ayam, rendang, masak merah, masak hitam, sambal tumis, inti ikan sumbat, asam pedas, kurma, sup, ikan bilis goreng, ikan talang goreng dan tepung celup sotong itu semuanya dihasilkan secara manual oleh ibu kepada lima anak ini.

"Saya yang menyediakan sendiri segala ramuan dan bahan untuk menghasilkan semua pes berkenaan dan pada peringkat awal hanya menjualnya di premis perniagaan di Kampung Pial di sini sahaja.

"Saya turut beruntung kerana penglibatan sebagai sahabat usahawan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) pusat Yan/Kuala Muda sejak 1989 telah membolehkan saya mendapat ba-



ZARINA Bakar menunjukkan sijil halal serta sijil MeSTI di samping produk pes makanan keluaran syarikatnya semasa ditemui di Tanjung Dawai, Sungai Petani. - UTUSAN/OTHTMAN YAHAYA

nyak manfaat dari segi keperluan modal, khidmat nasihat dan pengurusan perniagaan untuk

terus bertahan sehingga sekarang," katanya. Menurut Zarina, kejayaan

memperolehi pengiktirafan halal berkenaan akan memberi semangat untuk dia merealisasikan impian menaikkan nama Tanjung Dawai sekali gus mencapai hasratnya memenuhi sasaran kerajaan melalui program 'Satu Kampung Satu Industri'.

Katanya, program itu penting kerana secara tidak langsung akan membolehkan penduduk di Kampung Pial dan Kampung Belau mempunyai pekerjaan untuk menjana pendapatan dan mengurus keluarga masing-masing.

"Selain itu sijil dan logo halal ini merupakan lesen besar untuk saya menyediakan prasarana pemasaran lebih luas termasuk di luar Malaysia dalam usaha mengembangkan perniagaan.

"Terima kasih kepada AIM, Jabatan Pertanian, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Pertubuhan Peladang dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia yang banyak membantu merealisasikan impian saya daripada peniaga tepi jalan kepada usahawan berjaya," katanya.

Kongsi bahagian daging korban subur semangat perpaduan

PELAKSANAAN ibadah korban secara bergotong-royong dan berkongsi bahagian daging korban mampu menyuburkan semangat perpaduan sesama ahli pertubuhan peladang kawasan.

Menurut Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sepang, Muhammad Hydlir Abdul Hamid, pelaksanaan ibadah korban dengan berkongsi bahagian daging sembelihan akan dibuat secara berterusan pada masa depan.

"Tawaran pelaksanaan bahagian daging korban dalam kalangan ahli dibuat pada saat akhir namun mendapat sambutan menggalakkan. Insha-Allah tahun depan kita buka tawaran tersebut

lebih awal untuk semua ahli.

"Walaupun hanya dua ekor lembu yang dikorbankan hasil sumbangan Pertubuhan Peladang Negeri dan perkongsian bahagian daging korban, apa yang penting adalah semangat kebersamaan semasa bergotong-royong yang menjadikan program ini sebaik ini perlu diteruskan pada masa depan," katanya sempena Program Ibadah Korban PPK Sepang di Sungai Pelek, baru-baru ini.

■ PARA peserta Program Ibadah Korban PPK Sepang di Sungai Pelek, Selangor menurukkan daging korban yang diperolehi mereka.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	40

Harga padi RM1,300 satu tan metrik sejak 30 tahun

Pesawah Kelantan dapat 'durian runtuh'

Oleh **ROHANA ISMAIL**
utusannews@mediamulia.com.my

TUMPAT: Pesawah di Kelantan menarik nafas lega apabila harga padi mencecah RM1,300 satu tan metrik antara yang termahal sejak 30 tahun.

Ini berikutan pemetongan pemetuan padi antara 15 hingga 17 peratus bagi musim 1/2023 (Januari hingga Jun).

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang petani, Harun Omar, 63, berkata, musim ini pemetongan pemetuan padi paling rendah sejak 30 tahun mengusahakan sawah padi seluas 28 hektar.

"Tahun ini rezeki kepada pesawah, pengilang padi potong

rendah, pesawah memperoleh pendapatan lumayan.

"Sebelum ini pemetongan 20 hingga 30 peratus walaupun padi berkualiti, tetapi kali ini ada pengilang hanya potong 15 peratus," katanya ketika ditemui di Kampung Bendang Pak Yong di sini semalam.

Jelas Harun, bagi padi yang kurang berkualiti dan banyak hampa, pengilang memotongnya antara 20 hingga 30 peratus.

"Tahun-tahun sebelumnya padi berkualiti pun dipotong melebihi 20 peratus, sekali gus menjejaskan pendapatan pesawah, walaupun hasil banyak tetapi dijual murah kepada pengilang disebabkan isu pemetongan pemetuan padi tinggi," katanya.

Bagi pesawah, Abdullah Mat Yusoff, 60, dari Kampung Teluk Jering pula, hasil padinya dijual terus kepada pengilang tanpa melalui orang tengah.

Katanya, tiada isu kartel padi di negeri ini kerana pesawah ada pilihan untuk menjual padi di kilang swasta atau di kilang Padiberas Nasional Bhd. (Bernas).

"Banyak kilang padi di Tumpat ini dan pesawah tidak bergantung pada satu kilang sahaja.

"Tidak berlaku monopoli oleh satu pihak mengaut keuntungan dan menindas pesawah," katanya.

Menurutnya, padinya sedang dituai namun disebabkan faktor kekurangan bekalan air menyebabkan hasil padi kurang berkualiti.



ABDULLAH Mat Yusoff menunjukkan kawasan padi miliknya yang belum dituai di Kampung Teluk Jering, Tumpat, Kelantan. - UTUSAN/ROHANA ISMAIL.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	41

Bekalan ikan di Kuala Muda meningkat sejak awal bulan

SUNGAI PETANI: Bekalan hasil laut di Kuala Muda, di sini dilaporkan meningkat sejak awal bulan lalu meskipun dalam keadaan cuaca yang tidak menentu ketika ini.

Seorang nelayan berpangkalan di Kuala Muda, Azman Abdul, 55, berkata, hasil laut seperti ikan kembung, pari, bawal, selangat, tenggiri, cencaru dan senangin antara yang banyak diperolehi.

Katanya, sebelum ini hasil tangkapan bagi ikan kembung kurang daripada 100 kilogram (kg) sehari namun sejak awal bulan ini jumlah tangkapan ikan kembung dilihat kian mening-

kat sehingga pernah mencecah 600 kg sehari.

“Harga borong bagi ikan kembung di sini kini dalam lingkungan RM7 hingga RM10 sekilogram sahaja berbanding RM14 hingga RM15 sekilogram pada bulan lalu,” katanya ketika ditemui di Kompleks Pasar Bisik Ikan, semalam.

Bagaimanapun Azman berkata, tangkapan hasil laut kini sememangnya sukar diramal.

“Rezeki nelayan sukar diramal, ada masa pendapatan banyak ada masa langsung tiada hasil tangkapan,” ujarinya.

Sementara itu, pemborong ikan, Hasnizam Yahaya, 38,

berkata, hasil tangkapan bagi ikan kembung dan selangat pada Ahad lalu adalah sebanyak 600kg berbanding hanya 300kg pada Rabu lalu.

“Keadaan ombak agak kuat pada hari ini, namun hasil yang dapat dibawa pulang nelayan agak lumayan. Kita dapat jual ikan kembung dengan harga RM9 sekilogram,” katanya.

Dalam pada itu, seorang pengunjung dari Padang Serai, Kulim, Hidayah Mohd. Ali, 35, berkata, dia dan suaminya, Faizal Mustafa, 37, sanggup datang seawal pukul 8 pagi untuk membeli hasil laut segar di pasar tersebut.



KOMPLEKS Pasar Bisik Ikan dipenuhi pemborong dan pembeli untuk mendapatkan hasil laut segar di Kuala Muda, Sungai Petani. - UTUSAN/NUR SYAZWANA MANSOR

Hasil laut meningkat legakan nelayan

SUNGAI PETANI – Bekalan hasil laut di Kuala Muda, di sini dilaporkan meningkat sejak awal bulan lalu meskipun keadaan cuaca tidak menentu pada ketika ini.

Seorang nelayan, Azman Abdul, 55, berkata, dia dan rakan-rakan dapat menarik nafas lega dan memperoleh rezeki lebih selepas hasil laut seperti ikan kembung, pari, bawal, selangat, tenggiri, cencaru dan senangin berjaya ditangkap dalam kuantiti banyak setiap hari.

Katanya, sebelum ini hasil tangkapan bagi ikan kembung adalah kurang 100 kilogram (kg) sehari, namun jumlah tangkapannya meningkat hingga mencecah 200kg hingga 600kg sehari.

"Disebabkan itu, harga borong bagi ikan kembung kini dalam lingkungan RM7 hingga RM10 sekilogram, berbanding RM14 hingga RM15 sekilogram bulan lalu," katanya ketika ditemui di Kompleks Pasar Bisik Ikan di Kuala Muda, di sini semalam.

Bagaimanapun, dia menga-

kui, tangkapan hasil laut semanganya sukar diramal.

"Rezeki nelayan sukar diramal, ada masa pendapatan banyak, ada ketika langsung tiada hasil tangkapan.

"Jika hari ini banyak hasil, belum tentu esok kami akan dapat jumlah hasil sama," ujarnya.

Dalam pada itu, seorang pengunjung dari Padang Serai, Kulim dekat sini, Hidayah Mohd Ali, 35, berkata, dia dan suaminya, Faizal Mustafa, 37, sanggup datang seawal pukul 8 pagi untuk membeli hasil laut segar di pasar tersebut kerana harganya berpatutan pada masa ini.

Menurutnya, dia akan datang sekurang-kurangnya dua kali sebulan membeli ikan, udang dan ketam sebagai simpanan di rumah atau untuk mengadakan majlis kenduri.

"Harga di sini sedikit berbeza dengan di pasar biasa, lebih murah.

"Apa yang paling penting, saya dan suami sanggup datang dari jauh kerana mahu mendapatkan ikan baharu dan segar dari laut," ujarnya.



NELAYAN mengangkut hasil tangkapan ikan kembung yang semakin banyak di Kuala Muda, Sungai Petani semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2023	SINAR HARIAN	NEGERI	26

Gerakan Ekonomi Malaysia gesa PSI diberhentikan



Projek PSI dikuatiri menjejaskan pendapatan nelayan.

GEORGETOWN - Gerakan Ekonomi Malaysia menggesa kerajaan memberhentikan Projek Pulau Selatan Pulau Pinang (PSI) dan merangka dasar secara menyeluruh bagi memastikan nelayan dapat menjalani kehidupan selesa dengan pendapatan yang terjamin tanpa memerlukan sebarang bantuan daripada kerajaan.

Presidennya, Armin Baniyah Pahamin berkata, tanpa perancangan menyeluruh, nelayan akan sentiasa memerlukan bantuan.

Menurutnya, kerajaan perlu menyediakan dasar bagi memastikan masa depan nelayan terjamin.

"Faktor paling penting untuk kelestarian nelayan ialah tempat kawasan menangkap ikan. Kawasan menangkap ikan yang subur perlu

digazet, dilindungi dan dipelihara. Perikanan adalah satu industri yang menguntungkan di negara-negara maju tetapi di Malaysia, nelayan tergolong dalam golongan miskin yang memerlukan bantuan.

"Salah satu cara ialah melalui penggabungan kampung nelayan di bawah pengurusan profesional, adaptasi teknologi terkini dan model bisnes bagi memastikan hasil tangkapan dapat menjamin pendapatan sepanjang tahun termasuk musim tengkujuh. Ini boleh dicapai melalui proses ikan dalam tin atau pembekuan ikan," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, jumlah bantuan kepada nelayan akan terus meningkat tanpa solusi kepada masa depan keluarga mereka.

"Ini belum lagi kesan kepada alam semula jadi akibat daripada tambakan laut untuk melaksanakan Projek PSI. Malaysia memperuntukkan jumlah besar untuk pemberian subsidi dan elaun sara hidup kepada nelayan," katanya.

Kata beliau, rancangan pembangunan Pulau Pinang khususnya meninggalkan kesan kritikal kepada sumber pendapatan, masa depan nelayan serta menjejaskan bekalan ikan tempatan.

Projek PSI yang sebelum ini dikenali sebagai Penang South Reclamation (PSR) adalah projek mega melibatkan tambakan bagi mewujudkan tiga pulau dengan keluasan 1,821 hektar di kawasan selatan Pulau Pinang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	36

Petani rugi jutaan ringgit, tanaman terendam air masin

Oleh **ADNAN IBRAHIM**
 utusannews@mediamula.com.my

BATU PAHAT: Kira-kira 80 petani di Kampung Kelicap dan Sungai Suluh di Tanjung Laboh, dekat sini terpaksa menanggung kerugian jutaan ringgit apabila tanaman yang diusahakan ditenggelami air masin hampir sepanjang tahun.

Mereka mendakwa, kejadian yang bermula sejak 2018 berpunca daripada benteng penahan air laut pecah dan tidak diselenggara dengan sempurna menyebabkan air masin masuk setiap kali air pasang.

Seorang petani, Mazlan Ithnin, 58, berkata, tanaman kelapa matag, tacunan dan pandan selain kelapa sawit bukan sahaja tidak menghasilkan buah yang baik, malah banyak pokok mati.

Tanaman yang diusahakan penduduk sejak 1976 sebelum mendapat geran hak milik tanah pada 1980 mampu menghasilkan pendapatan RM150,000 setahun bagi setiap petani.

"Daripada sepanjang tiga kilometer benteng yang dibina untuk menahan air laut memasuki kebun, hanya kira-kira 300 meter menggunakan batu, selebihnya tanah sahaja.

"Akibatnya beberapa kawasan berlaku runtuh dan



MAZLAN Ithnin menunjukkan benteng yang pecah menyebabkan air laut masuk ke dalam kebun diusahakan mereka.

menyebabkan air laut masuk ke dalam kebun, sekali gus bertakung sepanjang hari," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mazlan yang juga pesara kerajaan memaklumkan, air laut itu lambat mengalir keluar kerana pintu air hanya satu serta terpaksa menunggu air Sungai Suluh kering sebelum air laut boleh mengalir keluar.

Akibatnya, tanaman yang

terendam lama akan mati selain tidak boleh mengeluarkan hasil menyebabkan semua petani kehilangan hasil pendapatan.

Seorang penduduk Kampung Kelicap, Nordin Daiman, 68, pula berkata, penduduk yang mengusahakan tanaman kontan seperti pisang, betik dan jambu turut terjejas.

"Kami mengharapkan agar

ada tindakan drastik serta benteng yang dibaiki boleh bertahan lama selain inisiatif mengeluarkan air dalam tempoh singkat supaya kebun dapat diusahakan dengan baik.

"Buah kelapa yang dihasilkan penduduk di sini adalah sebahagian daripada hasil pengeluaran negeri Johor bagi menampung keperluan seluruh negeri," katanya.

Perkasa sektor agromakanan, pelancongan sekat ringgit jatuh

Oleh Chakrin Utii

bhrencana@bh.com.my

Hala tuju dasar dalam tempoh negara berhadapan kejatuhan nilai ringgit perlu jelas dan tidak seharusnya berorientasikan jangka pendek semata-mata. Kejatuhan nilai ringgit perlu diangkat sebagai ruang pemerkasaan dasar ekonomi bagi memastikan negara mampu tumbuh dengan mampan dalam jangka panjang.

Tren nilai ringgit yang terus menurun sejak awal tahun ini mengusarkan segenap lapisan masyarakat. Kegusaran ini berasas disebabkan kejatuhan ringgit turut menyumbang kepada kenaikan harga barangan makanan.

Secara asas, nilai mata wang dapat dihubungkan kepada isu ini melalui situasi imbangan dagangan negara. Walaupun Malaysia kekal sebagai pengeksport bersih, data imbangan dagangan bagi barangan makanan merekodkan nilai defisit, iaitu import melebihi eksport.

Sehingga Mei tahun ini, nilai defisit berada pada paras RM2.8 bilion, menurun daripada RM3.2 bilion pada bulan sebelumnya. Perbandingan bagi Januari hingga Mei bagi 2022 dan 2023 pula menunjukkan nilai defisit meningkat daripada RM13 bilion kepada RM14.3 bilion.

Antara barangan makanan utama diimport membabitkan produk daging, sayur-sayuran, buah-buahan dan hasil tenusu. Kata-ratanya produk makanan mempunyai kadar sara diri (SSR) yang rendah seperti daging lembu dan kambing.

Diakui, bagi berhadapan kejatuhan ringgit, pelbagai inisiatif, jangka pendek diambil kerajaan.

Namun apa lebih penting, situasi ini perlu diangkat sebagai satu ruang pemerkasaan dasar ekonomi untuk manfaat jangka panjang.

Terdapat dua bidang boleh diberikan perhatian dari sudut jangka panjang, iaitu pemerkasaan sektor agromakanan dan pelancongan.

Bagi agromakanan, kejayaan Johor melancarkan Dasar Agromakanan Negeri Johor yang dibangunkan berbandukan Dasar Agromakanan Negara 2.0 perlu dijadikan penanda aras baharu di negeri lain untuk turut membangunkan dokumen sama.

Dasar ini mengetengahkan proses pemerkasaan sektor agromakanan berdasarkan kekuatan dan peluang sedia wujud pada peringkat negeri. Langkah

ini penting kerana kekuatan dan peluang ekonomi di setiap negeri adalah berbeza.

Contohnya, Johor mempunyai kekuatan dari segi pengeluaran buah-buahan, manakala Kedah pula dari segi pengeluaran padi.

Iskuti sekuriti makanan, kurangkan import

Dalam jangka panjang, sektor agromakanan yang diperkasa akan mengukuhkan kedudukan sekuriti makanan, mengurangkan kebergantungan kepada import dan menambah baik situasi imbangan dagangan.

Hai ini juga dapat membantu meminimumkan kesan kejatuhan mata wang kepada harga barangan makanan pada masa hadapan.

Beralih kepada sektor pelancongan, perhatian perlu diberikan kepada sektor ini juga kerana kelangsungan operasi restoran dan hotel turut bergantung kepada harga barangan makanan.

Keadaan ringgit lemah perlu dijadikan sebagai daya tarik untuk mempromosikan aktiviti pelancongan. Promosi melalui ekspo pelancongan di dalam dan luar negara perlu diperhebat ketika ini kerana Malaysia sememangnya mempunyai pelbagai destinasi pelancongan menarik.

Dalam kalangan rakyat pula, wujud tren semasa yang menunjukkan kecenderungan orang tempatan untuk melancong ke negara jiran seperti Thailand disebabkan nilai mata wang rendah.

Selain itu, harga makanan jauh lebih berpatutan disebabkan kemampuan sektor agromakanan Thai yang lebih berdaya maju.

Oleh itu, perspektif rakyat Malaysia yang gemar melancong ke negara jiran disebabkan faktor mata wang dan harga makanan perlu diterapkan ke dalam pemikiran prospek pelancong asing ke negara



Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM)



Perkenal Beras Rahmah bantu ringan beban rakyat

MUKADIMAH

MEMPERKENALKAN subsidi dan Beras Rahmah adalah langkah terbaik untuk memastikan rakyat masih mampu membeli dan menikmati makanan karbohidrat yang membekalkan sumber tenaga kepada manusia.

Mengambil kira formula subsidi telur ayam dan ayam segar, mengapa tidak diperluaskan dalam industri beras sama ada 'mengambil' separuh daripada jumlah subsidi untuk diperuntukkan kepada beras atau mensuhkan sahaja subsidi telur ayam dan ayam segar dengan menukarnya

100 peratus kepada beras.

Cadangan ini dilontarkan Presiden Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (Barim), **ISMAIL AWANG** yang berharap ia segera diperluaskan dalam sektor makanan ruji rakyat itu dalam usaha mengawal harga beras yang kini menjadi igaun rakyat.

Ikuti penjelasan beliau kepada wartawan *Utusan Malaysia*, **AQILAH MIOR KAMARULBAID** yang turut dibantu jurufoto, **FARIZ RUSADIO** dalam membantu kerajaan menambah baik sektor beras negara.

UTUSAN - Komen anda berhubung pendirian kerajaan untuk menghapuskan amalan monopoli di negara ini?

ISMAIL: Bila Anwar (Datuk Seri Anwar Ibrahim) menyentuh isu ini, kami sangat bersetuju kerana ia akan membuka lebih banyak peluang kepada pemain industri seperti persatuan dan konsortium untuk mendapat permit import (AP). Memandangkan beras adalah makan utama rakyat, maka ia wajib dikawal oleh kerajaan bagi menjamin ia mencukupi, menentukan kepentingan kilang dan pemborong bumiputera.

Buat masa ini, ahli Barim hanya sebanyak 140 di seluruh negara, sedangkan dahulu mencatatkan lebih 200 ahli. Bahkan jumlah pengilang padi bumiputera juga merosot

daripada 180 kepada kurang 10 orang. Ini bermakna semakin hari semakin pupus pengilang padi bumiputera.

Sedangkan dahulu semasa Program Subsidi Beras Super Tempatan 15 Peratus Hancur (ST15), Barim berjaya melahirkan banyak usahawan dan ada peningkatan kesan daripada program serampang dua mata kerajaan ketika itu. Bila kerajaan mansuhkan ST15, agak terkejut sedikit padahal ketika itu wujud banyak rangkaian dan rantaian terutama bagi penduduk luar bandar di Sabah dan Sarawak. Ahli-ahli kita sudah ada mesin dan jenama sendiri.

Adakah Barim sudah berjumpa dengan kerajaan atau Perdana Menteri bagi membincangkan perkara ini?

Walaupun setuju dengan cadangan ini, namun setelah tujuh bulan menjadi Perdana Menteri (Anwar), kami masih

tidak nampak (usaha) untuk adakan satu perjumpaan atau dialog dengan pemborong serta pemain padi dan beras. Kita amat mengalu-alukan kalau Perdana Menteri bersetuju untuk adakan dialog.

Bagaimana Barim melihat hala tuju industri beras negara?

Kami telah melihat dari pelbagai sudut serta kepentingan awam secara keseluruhannya. Kerajaan perlu mengambil kira bahawa beras adalah makanan utama rakyat Malaysia dengan menambah baik terutama dalam sudut ketirisan dalam pelbagai aspek.

Lebih baik wujudkan Majlis Padi dan Beras Negara yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri diketuai seorang pengerusi manakala ahli lembaganya dilantik dalam kalangan pemain industri serta persatuan padi dan beras. Dengan itu urus tadbir tatakelola terletak di bawah kawalan penuh kerajaan.

Dengan pelbagai peningkatan kos sara hidup, bagaimana kerajaan boleh membantu dalam memastikan rakyat masih mampu menikmati makanan ruji?

Kerajaan perlu mendengar keluh resah rakyat marhaen terutama golongan B40 dan M40 yang banyak terkesan sejak Covid-19, justeru kami mencadangkan supaya wujudkan semula beras bantuan rakyat untuk golongan sasaran selain turut mengambil kira golongan sasaran. Skim ini boleh dijenamakan sebagai Beras

Rahmah - Malaysia Madani, Rakyat Sihat, Negara Harmoni. Sebelum ini kerajaan negeri Selangor menganjurkan Jualan Ehsan Rahmah, adalah beras dijual dengan harga rahmah tetapi tidak berpanjangan, sedangkan kita hari-hari makan nasi.

Malah kerajaan boleh mengurangkan subsidi telur ayam serta ayam segar dan diberikan (separuh subsidi itu) kepada beras atau mansuhkan subsidi telur ayam dan ayam segar untuk ditukarkan kepada subsidi beras kerana beras merupakan makan ruji rakyat.

Cadangan kepada kerajaan?

Kerajaan perlu mengamalkan amalan dasar pintu terbuka dengan memberi peluang kepada persatuan atau konsortium dalam pemain industri beras yang tulen (*genuine*) atau seperti Thailand, India, Vietnam, Kemboja, Laos dan Pakistan yang mana kerajaan memonopoli sebagai kata pemutus kepada industri makanan utama. Kerajaan boleh menghadkan atau tidak membenarkan mengekspor produk makanan utama untuk suatu tempoh tertentu sehingga bekalan domestik mencukupi.

Sementara Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) melalui geran tahunan boleh mempergiatkan penyelidikan terhadap padi dan beras negara.

Ketika lawatan ke Thailand, Laos dan India, saya lihat DNA (asid deoksiribonukleik) padi Malaysia, iaitu Mahsuri dibuat kajian oleh penyelidik

dari India. Selepas proses tambah baik, penyelidik India menamakannya sebagai Beras Sona Mahsuri.

Di Laos pula ada beras hitam yang rupanya sudah puluhan tahun digunakan negara Barat sebagai bahan perubatan berkaitan tulang sum sum.

Kalau pakar-pakar ini boleh lakukan, kenapa tidak MARDI? Kita juga ada kepakaran cuma tidak tahu mana silapnya tidak diperluaskan (kajian).

Difahamkan Lembaga Tabung Angkatan Tentera mempunyai beribu-ribu tanah terbiar yang tidak dibangunkan. Apa salahnya kerajaan wujudkan projek rintis bagi veteran kategori B40 dan M40 untuk membuat satu projek mengguna pakai teknologi MARDI. Kita tengok keputusannya bagaimana.

Kalau kerajaan buat begini, pertama, veteran tentera dapat kerja, ada pendapatan. Kedua, kita ada beras sendiri, tidak lagi perlu import dan ketiga, keputusan daripada penyelidikan dan pembangunan (R&D) itu sentiasa boleh ditambah baik.

Barim sendiri ada membuat perbincangan awal untuk projek rintis dengan Koperasi Generasi Felda Berhad pada Mac lalu, yang mana kami cadangkan untuk menanam pokok Shogun. Pokok ini boleh mengeluarkan buah seolah-olah macam beras dan ia dimakan untuk menggantikan beras.

Kerajaan Indonesia telah memulakan penanaman pokok ini. Jadi, kita boleh menggunakan kepakaran MARDI bagi merealisasikan perkara ini.



KERAJAAN boleh membantu meringankan beban rakyat dengan memperkenalkan Beras Rahmah dan melakukan kajian mendalam terhadap subsidi beras. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

CLIMATE CHANGE

CRITICAL NEED FOR ECO-FRIENDLY FARMING

DUE to climate change, floods, droughts and heat stress have increased in frequency, devastating farming regions.

Many countries' agricultural sectors face problems, including in Malaysia.

Our agriculture sector's share of the gross domestic product declined from 43.7 to 7.1 per cent between 1960 and 2021. As a result, the nation experiences a food shortage and must depend on imports.

Malaysia bought US\$583 million worth of rice in 2021, making us the world's 12th largest importer of rice. In the same year, Malaysia bought 3.7 million tonnes of maize and US\$176 million in coffee and tea extracts.

The dependency on food imports may endanger the nation, especially if worldwide supplies of food decrease owing to natural disasters or crop diseases.

Malaysia has always been heavily reliant on imported vegetables and fruits.

When food supplies are insufficient and unreliable, those with low incomes will bear the brunt, and the upper class is going to suffer from rising basic living expenditures.

Therefore, sustainable agriculture is critical for various reasons:

FIRST, sustainable agriculture strives to reduce negative environmental impacts by protecting ecosystems, biodiversity and natural resources through encouraging soil health, preserving water resources and limiting the use of pesticides.

SECOND, sustainable agriculture means guaranteeing food security, prioritising long-term productivity by preserving soil fertility, reducing erosion and encouraging crop diversity.

Farmers may strengthen their resilience to climate change, extreme weather events, and other problems by adopting sustainable practices.

THIRD, by lowering greenhouse gas emissions, sustainable agriculture helps combat climate change. Agroforestry and conservation till-



Farmers must implement climate change adaptation methods through sustainable agricultural practices. FILE PIC

age, for example, trap carbon dioxide from the atmosphere and lower the agricultural sector's carbon footprint.

Sustainable agriculture promotes the use of sources of clean energy and increases energy efficiency in farming, which aids in climate change mitigation.

FOURTH, farmers and rural communities benefit economically from sustainable agriculture by minimising input costs and enhancing production and product quality.

Moreover, sustainable agriculture encourages local and organic agricultural mechanisms, which can create jobs and help the economy.

FIFTH, sustainable agriculture reduces water waste and protects

water resources by using water-efficient practices, such as drip irrigation, rainwater collection and crop selection.

Most importantly, sustainable agriculture aims to reduce the use of synthetic fertilisers, chemicals and antibiotics.

We must develop cohesive adaptation and mitigation measures to tackle the impact of climate change on farming, with the goal of reclaiming strong and sustained output from agriculture.

Therefore, Malaysia must consider its climate change adaptation methods:

FIRST, devise effective tactics and develop broad plans to tackle the concerns of climate change and by boosting the nation's self-suffi-

ciency and food safety;

SECOND, focus on improving growers' adaptation capabilities to the effects of the changing climate on their farming operations; and

THIRD, using research on agriculture, implement policy-based modifications.

Let's develop our own national strategy on agricultural adaptation to climate change.

To summarise, environmentally friendly farming is critical to tackling the deterioration of the environment, nutrition, climate change and the health of the people.

DR RULIA AKHTAR

Research fellow, Unpkw Aziz Centre for Development Studies, Universiti Malaysia